



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA JUARA DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-28 TAHUN 2022

1. **KOTA KINABALU, 27 OGOS 2022** - YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air telah merasmikan Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institut Pendidikan Tinggi (IPT) kali ke-28 yang telah berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaku tuan rumah pertandingan tahun ini. Teks ucapan perasmian beliau telah dibacakan oleh Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar) Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Tema pertandingan debat kali ini adalah "Krisis bumi: perubahan iklim, kehilangan biodiversiti, pencemaran dan buangan".
2. Pertandingan debat alam sekitar paling berprestij di Malaysia ini dianjurkan oleh KASA melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, Yayasan Sabah, Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) sebagai rakan strategik.
3. Turut hadir ke pertandingan akhir ialah Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Profesor Madya Dr. Raman Bin Noordin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA), menjalankan fungsi Naib Canselor UMS, YBhg. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) merangkap pengurus MADUM, En Ridwan bin Saham, Pengurus Besar HSE, SESB, Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS, Jamalulail bin Abu Bakar, Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar KASA, Puan Ainatul Murdiya Raffan, Pengarah Yayasan Sabah Group dan Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS.

4. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dinobat sebagai johan menewaskan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar antara IPT kali ke-28 kali ini. Pertandingan debat yang telah bermula sejak 20 Ogos 2022 yang lalu menyaksikan sejumlah 26 pasukan daripada 26 buah IPT bersaing untuk melayakkan dan mendapatkan tempat ke pusingan akhir.
5. UIAM yang diberisi tiga pendebat iaitu Muhammad Wafi Anwar bin Roslan, Anis Afina binti Hassan Sanusi dan Muhammad Ilham Hafiz bin Azmi pulang dengan hadiah piala pusingan, wang tunai RM8,000, hadiah iringan dan sijil penyertaan. Muhammad Wafi Anwar bin Roslan turut dinobat sebagai pendebat terbaik dalam pertandingan akhir ini.
6. Manakala hadiah sagu hati separuh akhir dimenangi oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaya (UM). Pendebat Terbaik Liga dimenangi oleh Abdullah bin Nudin dari Universiti Sains Malaysia.
7. Pertandingan Debat Alam Sekitar ini telah dilaksanakan secara hibrid iaitu kombinasi secara maya & fizikal dan membicarakan idea kreatif dan bernas serta cakna isu-isu alam sekitar dalam negara dan global. Semenjak program ini dianjurkan pada tahun 1991, pelbagai isu dan idea berkaitan alam sekitar telah berjaya dikupas dan dibahaskan. Idea-idea bernas yang dizahirkan oleh para pendebat mampu membuka mata dan minda masyarakat agar lebih cakna terhadap kelestarian alam sekitar.
8. Melalui program seumpama ini, peserta debat dapat memupuk semangat, komitmen dan perubahan sikap positif terhadap alam sekitar apabila mereka berkerjaya kelak. Selain mengasah bakat berpidato, pertandingan debat alam sekitar ini dilihat dapat meningkatkan daya pemikiran dan kepimpinan di kalangan pelajar dalam menangani isu kelestarian alam sekitar yang semakin mencabar.
9. KASA berharap lebih ramai generasi yang prihatin terhadap alam sekitar dapat dilahirkan melalui program-program seumpama ini. Pembudayaan dan kesedaran tentang alam sekitar dalam kehidupan seharian termasuk di dalam kampus dapat diterapkan dan akhirnya ianya dapat membentuk generasi yang mengutamakan kelestarian alam sekitar demi generasi yang akan datang.

-Tamat-

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar
Dikeluarkan pada 27 Ogos 2022

LAMPIRAN A

**PASUKAN BAGI PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KALI KE-28 TAHUN 2022**

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - Johan

- i. Anis Afina binti Hassan Sanusi
- ii. Muhammad Wafi Anwar bin Roslan
- iii. Muhammad Ilham Hafiz bin Azmi

Universiti Malaysia Sabah (UMS) – Naib Johan

- i. Nur Fatehah binti Nordi@Nordie;
- ii. Mohamad Fazli bin Losimin; dan
- iii. Muhammad Idris bin Mohd Hairie

PENDEBAT TERBAIK AKHIR:

Muhammad Wafi Anwar bin Roslan (UIAM)

PENDEBAT TERBAIK LIGA:

Abdullah bin Nudin (USM)

LAMPIRAN B

SENARAI IPT YANG MENYERTAI PERTANDINGAN DAS ANTARA IPT
KALI KE-28 TAHUN 2022

| BIL | NAMA IPTA/IPTS |
|-----|--|
| 1 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) |
| 2 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 3 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 4 | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |
| 5 | Universiti Teknologi MARA (UiTM) |
| 6 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |
| 7 | Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 8 | Universiti Kuala Lumpur (UniKL) |
| 9 | Kolej University Poly-Tech Mara (KUPTM) |
| 10 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 11 | Universiti Teknologi Petronas (UTP) |
| 12 | IPG Kampus Kent Tuaran, Sabah |
| 13 | Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) |
| 14 | Universiti Malaya (UM) |
| 15 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) |
| 16 | IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor |
| 17 | IPG Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan |
| 18 | Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) |
| 19 | IPG Kampus Gaya, Sabah |
| 20 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) |
| 21 | Universiti Sains Malaysia (USM) |
| 22 | Universiti Malaysi Perlis (UniMAP) |
| 23 | Universiti Utara Malaysia (UUM) |
| 24 | Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) |
| 25 | Universiti Malaysia Sabah (UMS) |
| 26 | Universiti Multimedia (MMU) |

LAMPIRAN C

| No. | Tajuk Usul |
|-----|---|
| 1. | Dewan Ini Percaya kumpulan pendesak harapan baharu alam sekitar |
| 2. | Dewan Ini Percaya struktur pengurusan sumber asli negara antara kerajaan persekutuan dan negeri perlu dirombak |
| 3. | Dewan Ini Percaya kegagalan industri mengawal pencemaran penyebab kemerosotan kualiti alam sekitar |
| 4. | Dewan Ini Percaya elemen alam sekitar dalam Environmental, Social, Corporate Governance (ESG) hanya satu propaganda |
| 5. | Dewan Ini akan mengutamakan kecerdikan buatan (AI) untuk mengurangkan jejak karbon |
| 6. | Dewan Ini tidak akan membenarkan hutan simpan dinyahwarta |
| 7. | Demi mencapai pelepasan karbon sifar bersih (net zero carbon), dewan ini akan mewajibkan penglibatan industri |
| 8. | Dewan Ini Percaya dunia gagal menangani krisis bumi |